



ISNIN  
27 02  
2017

**BH DIDIK**

bhdidik@bh.com.my

**4 BERITA:**  
Ikon SK Dato' Keramat 2

**5 BAHASA MELAYU:**  
Kata Sendi Nama dan Syarahan



**SAINS:**  
Interaksi Antara Hidupan

Membimbing Ke Arah Kemahiran Bertikir Aras Tinggi (KBAT)

# BAHASA SANTUN

**Kuala Lumpur:** Penggunaan perkataan yang tepat dan sopan di dalam perbualan membolehkan maksud disampaikan secara jelas.

Bahasa yang sopan juga menjadikan perbualan lebih mesra dan dapat mengelakkan suasana tegang.

Kanak-kanak mempelajari bahasa yang betul dan sopan menerusi persekitaran seperti mendengar perbualan dalam kalangan ahli keluarga.

Pembelajaran di sekolah juga banyak memberi ilmu untuk menguasai bahasa yang baik sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Penguasaan bahasa yang cemerlang membolehkan murid berbual-bual dengan baik dalam pelbagai keadaan.

Penggunaan bahasa yang sesuai itu juga diuji seperti dalam kertas Bahasa Inggeris (BI) Pemahaman Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Guru Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan (SK) Puchong Utama 2, Selangor, Encik P Harpal Singh memberi pandangan beliau dalam aspek berkenaan.

Ikuti hasil temu bual wartawan *BH Didik*, Puan Nas Norziela Nasbah di halaman D2.

Lihat muka D2.



**DIDIK**

Oleh Aminuddin Sarmiran  
aminuddin@pam.org.my

**Bahasa Melayu – Pemahaman**

**KATA SENDI NAMA DAN SYARAHAN**

**(A) SISTEM BAHASA – KATA SENDI NAMA**

Kata sendi nama ialah kata yang letaknya di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menerangkan kata nama atau frasa nama tersebut.

1. Setiap kata sendi nama mempunyai makna dan tugas tertentu.
2. Dalam tulisan, kata sendi nama dipisahkan daripada kata nama atau frasa nama.

Contoh:

Kata Sendi Nama	Kegunaan
di	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menunjukkan tempat.</li> <li>Tidak boleh digunakan untuk waktu, masa dan zaman.</li> </ul>
ke	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menunjukkan tempat atau arah yang dituju.</li> <li>Untuk menunjukkan waktu atau masa.</li> <li>Tidak digunakan untuk merujuk manusia, haiwan atau institusi.</li> </ul>
pada	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menunjukkan keterangan waktu dan tempat.</li> <li>Digunakan dalam ungkapan ada + pada (manusia dan haiwan).</li> </ul>
dari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyatakan arah, tempat atau waktu.</li> </ul>
kepada	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menunjukkan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, unsur mujarad dan institusi manusia.</li> <li>Menyatakan pecahan.</li> <li>Menyatakan perubahan keadaan.</li> </ul>
daripada	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, dan unsur mujarad.</li> <li>Menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu.</li> <li>Menunjukkan perbezaan atau perbandingan.</li> </ul>
untuk/bagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menunjukkan kegunaan sesuatu.</li> <li>Menyatakan bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan.</li> </ul>
dengan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membawa maksud bersama-sama.</li> <li>Cara sesuatu dilakukan.</li> <li>Memakai atau menggunakan sesuatu sebagai alat.</li> <li>Perbandingan serupa atau sama.</li> </ul>
hingga/sampai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membawa maksud hal peringkat dan had masa atau tempat.</li> </ul>
oleh	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menunjukkan hubungan dengan pelaku dalam ayat pasif.</li> </ul>
sejak/ semenjak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digunakan sebagai penanda waktu atau masa.</li> </ul>
terhadap	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai unsur yang membawa maksud rujukan kepada manusia, haiwan atau benda.</li> </ul>
bagai/laksana/ seperti/ umpama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bermaksud perbandingan.</li> </ul>
demi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membawa maksud tujuan.</li> </ul>
antara	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai jarak.</li> </ul>
akan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digunakan untuk merujuk manusia.</li> <li>Penggunaannya mesti didahului oleh kata adjektif bersifat perasaan.</li> </ul>

Nota:

**Hingga dan Sehingga**

Kata sendi nama **hingga** digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk membawa maksud perihai peringkat dan had masa, waktu atau tempat.

Contoh:

1. Pegawai itu berjaga **hingga** pagi.
2. Anak-anaknya belajar **hingga** peringkat universiti.

**Sehingga** digunakan sama dengan **hingga** tetapi had masa tidak tertututetetapkan.

Contoh:

1. Kami akan bersama-sama sehingga akhir hayat.
2. Pusingan itu berjaya akan setia sehingga hujung nyawa.

**Sejak dan Semenjak**

**Sejak** dan **semenjak** mempunyai maksud yang sama, iaitu bermula dari, mulai dan dari. Dalam *Totobehaso Dewan Edisi Ketiga*, sejak atau semenjak ialah kata sendi yang membawa maksud penanda waktu atau masa dan digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama.

Contoh:

Hasnah sentiasa sngul sejak/semenjak kematian ibunya.

**Latihan**

**Bahagian A**

Isikan ruang kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Mereka menunggui bas \_\_\_\_\_ sebuah perhentian bas.  
A di C dari  
B ke D daripada
2. Cikgu Zakiah datang \_\_\_\_\_ memakai sepasang baju yang cantik.  
A oleh C dengan  
B hingga D daripada

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Badan Farid lebih gempal \_\_\_\_\_ kawannya, Farhan.  
A dari C dengan  
B pada D daripada
4. Ibu telah membeli sebiji kek \_\_\_\_\_ menyambut hari jadi adik.  
A di C untuk  
B pada D kepada
5. Keadaan kampung itu telah berubah jika dibandingkan \_\_\_\_\_ dahulu.  
A dari C dengan  
B pada D daripada

**Bahagian B**

Isikan ruang kosong dalam ayat berikut dengan kata sendi nama yang sesuai.

antara	pada	bagai	dengan	kepada
daripada	di	ke	semenjak	demi

1. Kerusi itu diperbuat \_\_\_\_\_ rotan.
2. Sisipan Didik itu ada \_\_\_\_\_ saya.
3. Datuk menebang pokok \_\_\_\_\_ sebilah kapak.
4. Tiada perbezaan \_\_\_\_\_ pendapat Ali dengan pendapat Ahmad.
5. Abang semakin rajin \_\_\_\_\_ menerima nasihat daripada ayah.

**(B) PEMAHAMAN – SYARAHAN**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis, barisan panel hakim yang adil dan seterusnya hadirin sekalian. Salam sejahtera saya ucapkan sebagai pembuka tirai bicara. Berdirinya saya di pentas ini adalah untuk membicarakan tajuk syarahan \_\_\_\_\_

Hadirin yang saya muliakan,

Amalan membaca memang telah diadiri kepentingan-nya oleh semua golongan sama ada pemimpin politik, ibu bapa, pendidik, pentadbir dan masyarakat amnya. Membaca merupakan suatu kegiatan yang amat penting dalam kehidupan manusia dan boleh membangunkan sesuatu masyarakat dari segi intelektual serta membentuk pemikiran kreatif dan dinamik. Tidak hairanlah jika ungkapan "Membaca jambatan ilmu" sering kali kita gunakan untuk menunjukkan betapa pentingnya amalan membaca dalam mencari ilmu pengetahuan.

Manusia berilmu selalunya dikaitkan dengan insan berbudaya membaca. Minat membaca adalah berkaitan rapat dengan budaya ilmu kerana minat ini merupakan suatu ciri pembangunan budaya dalam masyarakat yang berorientasikan pendidikan dan pembacaan.

Amalan membaca perlu dijadikan budaya dalam masyarakat kita. Budaya ini pula tidak seharusnya terbatas di sekolah, universiti atau di bandar sahaja tetapi patut dikembangkan dalam kehidupan masyarakat termasuklah masyarakat luar bandar. Hal ini penting agar masyarakat luar bandar yang sering dikaitkan seperti katak di bawah tempurung akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan seterusnya bersama-sama mengejar arus pembangunan.

Tuan-tuan yang saya muliakan,

Seseorang individu atau sesuatu bangsa yang mempunyai kekuasaan atau kejayaan dalam sesuatu bidang tidak boleh mempertahankan miliknya tanpa budaya ilmu yang baik. Malah dia akan bergantung kepada orang atau bangsa lain yang berilmu. Buktinya, kita melihat betapa negara pengeluar minyak yang kaya-rya terpaksa bergantung hampir dalam semua aspek penting kehidupan negara mereka kepada negara lain yang lebih maju dari segi keilmuan dan kepakaran.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa masyarakat maju yang dapat menguasai pelbagai bidang dalam kehidupan mereka dan mencipta sejarah adalah terdiri daripada masyarakat yang suka membaca. Disiplin membaca untuk mendapatkan ilmu merupakan suatu kuasa pembebasan daripada belenggu-belenggu kemiskinan dan kejahilan.

Akhir kata, ingin saya tegaskan bahawa kehidupan yang lebih sempurna akan dapat dibentuk sekiranya masyarakat kita membudayakan amalan membaca. Amalan ini secara langsung akan melahirkan masyarakat berilmu dan bertamadun tinggi.

Sekian, terima kasih.

**Bahagian A**

1. Syarahan di atas disampaikan dalam satu acara \_\_\_\_\_.  
A pameran buku  
B pertandingan syarahan  
C pertandingan perbahasan  
D persembahan kebudayaan
2. Berikut ialah kesan buruk jika sesuatu bangsa atau masyarakat tidak menguasai ilmu, **kecuali**.  
A bangsa itu akan mudah dijajah  
B bangsa itu akan terlalu bergantung kepada pihak lain  
C bangsa itu akan ketinggalan dan menjadi mundur  
D bangsa itu akan banyak menerima bantuan negara asing
3. Apakah tajuk yang paling sesuai untuk syarahan di atas?  
A Dengan Buku Negara Maju  
B Membudayakan Amalan Membaca  
C Selangkah ke Perpustakaan Sejuta Pengetahuan  
D Membaca Buku Lebih Baik daripada Menonton Televisyen

**Bahagian B**

1. Mengapakah membaca dianggap sebagai amalan yang amat penting?  
\_\_\_\_\_

[2 markah]

2. Berdasarkan petikan, terangkan ciri-ciri orang yang berjaya.  
\_\_\_\_\_

[3 markah]



**Bahasa Melayu - Penulisan**

**BAHAGIAN A DAN B**


**Bahagian A**  
[10 markah]  
[Masa dicadangkan : 15 minit]

**Bahagian B**  
[15 Markah]  
[Masa dicadangkan : 25 minit]

➔ **Latihan 1**

(Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4)

Gambar di bawah menunjukkan produk-produk yang dihasilkan daripada burung unta. Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang produk-produk tersebut. Tulis **satu** ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



➔ **Latihan 2**

(Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5)

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara menghormati guru. Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang cara-cara menghormati guru seperti dalam gambar. Tulis **satu** ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



➔ **Latihan 1**

(Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6)

Iklan di bawah memaparkan ceramah kesihatan. Tulis ulasan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam iklan tersebut. Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

**APAKAH STRES**

**CERAMAH KENALI STRES**

Tarikh : 14 Ogos 2017  
Masa : 8.00 pagi  
Tempat : Dewan Sekolah Kebangsaan Nirwana

**Semua ibu bapa dan murid dijemput hadir.**

**Adakah anda:**

- mudah sakit kepala
- sakit dada
- mudah letih

**Pengisian Ceramah:**

- kenali stres
- menangani stres
- kesan stres

**KESIHATAN LEBIH BERTAMBAH DARIPADA HARTA**

➔ **Latihan 2**

(Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4)

Maklumat di bawah memaparkan program kecemerlangan akademik. Tulis ulasan berdasarkan tentang program tersebut berdasarkan maklumat di bawah. Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

**9.30 pagi**  
**Ceramah Bahasa Melayu bermula**

- pendedahan tentang cara menulis karangan
- pendedahan tentang teknik menjawab soalan

**10.30 pagi**  
**Ceramah Sains**

- pendedahan tentang konsep sains
- pendedahan tentang teknik menjawab soalan

**1.00 tengah hari**  
**Rehat**

- makan tengah hari dan rehat

**2.00 petang**  
**Ceramah Motivasi**

- teknik belajar yang betul
- semangat untuk belajar
- teknik mengingat

○ **Pelajaran Minggu Depan:**  
Bahagian C (Cerita dan Menyudahkan Cerita)

## PRESENT CONTINUOUS TENSE

We use the present continuous tense to talk about,

- actions that is happening at the moment of speaking.  
Example:  
I'm **working now**, I'll be home soon.  
Mother **is baking** at the kitchen.
- to show that something is changing, growing or developing.  
Example:  
The plants **are growing** quickly.  
The climate **is changing** rapidly.
- for something which happens again and again.  
Example:  
The dogs always **bark** at night.  
The Sun **rises** from the east.

### Exercise

Fill in the blanks.

- 1 We \_\_\_\_\_ our dinner at a seafood restaurant.
- 2 The children \_\_\_\_\_ their homework at the library.
- 3 The sun \_\_\_\_\_ brightly.
- 4 A troupe of dancers \_\_\_\_\_ on the stage.

Choose the most suitable **proverb**.

- 5 I was \_\_\_\_\_ while waiting for my turn during the audition.  
A slipping my mind      C in the same boat  
B getting cold feet      D out of the blue

Choose the **best answer** for each blank.


Mrs Ayu is at a fabric store. She wants to buy \_\_\_\_\_ (6) \_\_\_\_\_ fabric to make bed sheets. She talks to Ranjani, the \_\_\_\_\_ (7) \_\_\_\_\_. He is cutting some linen with a sharp pair of scissors. At the cashier counter, Mrs. Ayu pays and gets her fabric in a nice paper bag. Then she walks \_\_\_\_\_ (8) \_\_\_\_\_ the next shop.


- 6 A a lot                      C much  
B some                      D many
- 7 A waiter                    C store manager  
B sales assistant        D store keeper
- 8 A to                         C over  
B by                         D from


### Section B

#### Question 21

Write a suitable response for each picture in the space provided.

(a)  Answer: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(b)  Answer: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



Answer:

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

#### Question 22

Read the passage below and answer the questions that follow.

Good afternoon to our respected principal, teachers and my fellow students,

I am highly honoured to deliver this farewell speech. We are all here to bid farewell to our exceptional teacher and a mentor who will be retiring from active service, Mr Rahman Hassan. Today, I realised how time flies.

We must recognise, respect and appreciate all the valuable skills and knowledge our dear teacher has imparted onto us the future leaders and thank him for his lasting efforts and hard work. As your student, I know how it is painful to say goodbye to someone who is **less of a teacher but more of a father**.

Throughout his stay in this school, he was an outstanding tutor, and committed in promoting excellence in the education sector. You are always tolerant and ready to assist any pupils in academics and more. As the head student, I understand how difficult it is for you to handle us. Indeed, your exceptional qualities have inspired us in so many ways. We will all remember your good qualities and the sweet memories that we had together will remain in our hearts forever.

Thank you for teaching your subjects with passion. Your unique teaching methods, made it easier and fun for every student to contribute actively thereby making your class an engaging class for all. Permit me to use this medium to ask for your forgiveness if we have hurt your feelings knowingly or unknowingly in the course of discharging your duties.

Sir, you have put in great efforts in instilling tolerance, kindness, and patience onto us the future generations. You have worked tirelessly, and now it is time to enjoy all that you have labored for all over the years. We pray for your good health and may you have a great and properous life in retirement.

Thank you.

22 Tick (✓) the correct answer

(a) Who delivered the speech?

A teacher

A principle

A student

(b) Mr Rahman is \_\_\_\_\_

retiring

resigning

moving to another school

Write your answers in the space provided.

(c) List two good values you can find about Mr Rahman.

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

(d) "**less of a teacher but more of a father**"

Why did the speaker say the above phrase?

\_\_\_\_\_





# PECAHAN: PENYELESAIAN MASALAH

## UJI MINDA


No	Kata kerja	Pecahan kata kerja	Kontra	Pecahan kontra
1.	Lelaki	$\frac{1}{4}$	Perempuan	
2.	Lulus	$\frac{4}{5}$	Gagal	
3.	Biru	$\frac{1}{3}$	Bukan biru	
4.	Jantan	$\frac{5}{6}$	Betina	
5.	Bercermin mata	$\frac{2}{7}$	Tidak bercermin mata	

### Istilah penting:

jumlah  $\rightarrow +$   
kata kerja kontra (dapat, beri, agih, ...)  $\rightarrow -$   
sama banyak  $\rightarrow =$   
daripada  $\rightarrow \times$

## Latihan

- Razak mempunyai sebuah novel yang mengandungi 512 halaman. Dia telah membaca  $\frac{3}{8}$  daripada jumlah halaman itu pada hari pertama. Pada hari kedua, dia telah membaca  $\frac{1}{4}$  daripada baki halaman. Berapa halamankah yang belum dibaca oleh Razak?  
*Razak has a novel which is 512 pages long. He has read  $\frac{3}{8}$  of the total number of pages on the first day. On the second day, he read  $\frac{1}{4}$  of the remaining pages. How many more pages were left for Razak to read?*  
A 162                      C 216  
B 180                      D 240
- Rajah 1 menunjukkan bilangan manik di dalam dua buah bikar.  
*Diagram 1 shows the number of beads in two beakers.*




Rajah 1  
Diagram 1

- $\frac{3}{4}$  daripada manik di dalam bikar X dan  $\frac{2}{5}$  daripada manik di dalam bikar Y berwarna merah. Berapakah jumlah manik di dalam kedua-dua bikar itu yang bukan berwarna merah?  
 *$\frac{3}{4}$  of the beads in beaker X and  $\frac{2}{5}$  of the beads in beaker Y are red. What is the total number of beads in the two beakers which are not red?*  
A 150                      C 210  
B 170                      D 240

- Haziq membeli 2 keping piza. Sekeping piza dipotong kepada 6 bahagian yang sama besar. Haziq makan  $\frac{1}{6}$  daripada jumlah bahagian kedua-dua piza tersebut manakala bapanya makan  $\frac{2}{5}$  daripada baki bahagian piza itu. Antara yang berikut, manakah mewakili piza yang dimakan oleh mereka?

Haziq buys 2 pieces of pizza. A pizza is cut into 6 equal slices. Haziq had  $\frac{1}{6}$  of his total parts of both pizza and his father eat  $\frac{2}{5}$  from the remainder of the parts of pizza.

Which of the following represents the parts of pizza eaten by them?



- Jadual 1 menunjukkan bilangan murid Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 dalam sebuah sekolah.  
*Table 1 shows the number of pupils in Year 4, 5 and 6 in a school.*

Jantina Gender	Bilangan murid Number of pupils
Lelaki Boy	328
Perempuan Girl	360

Jadual 1  
Table 1

- $\frac{1}{8}$  daripada murid lelaki dan  $\frac{1}{9}$  daripada murid perempuan tidak hadir pada Hari Sukan. Hitung bilangan murid Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 yang hadir.  
 *$\frac{1}{8}$  of the boys and  $\frac{1}{9}$  of the girls are absent from the Sports Day. Calculate the number of Year 4, 5 and 6 pupils that are present.*  
A 607                      C 648  
B 647                      D 690

- Jadual 2 menunjukkan bilangan ahli dalam empat buah persatuan.  
*Table 2 shows the number of members in four clubs.*

Kelab Club	Bilangan ahli Number of members
P	30
Q	40 orang lebih daripada kelab P 40 more than club P
R	3 kali bilangan ahli kelab Q 3 times the members of club Q
S	$\frac{3}{7}$ daripada bilangan ahli kelab R $\frac{3}{7}$ of the members of club R

Jadual 2  
Table 2

- Berapakah pecahan bilangan ahli kelab S berbanding jumlah ahli keempat-empat kelab itu?  
*What is the fraction number for the club members of S compared to the total member of the four clubs?*  
A  $\frac{3}{7}$                       C  $\frac{9}{31}$   
B  $\frac{4}{7}$                       D  $\frac{9}{40}$


- Terdapat 32 000 orang yang sedang menonton satu pertandingan bola sepak di sebuah stadium.  $\frac{7}{8}$  daripadanya ialah lelaki dewasa. Terdapat 977 orang wanita dewasa di dalam stadium dan selebihnya ialah kanak-kanak.

Hitung bilangan kanak-kanak di dalam stadium itu. There are 32 000 people watching a football match in a stadium.  $\frac{7}{8}$  of the people are men. There are 977 women in the stadium and the remaining people are children. Calculate the number of children in the stadium.

- A 4 977                      C 3 023  
B 4 000                      D 3 033
- Terdapat 450 biji guli di dalam sebuah bekas,  $\frac{2}{9}$  daripada guli itu berwarna hitam. Bakiya terdiri daripada guli yang berwarna putih, biru, hijau dan kuning yang sama bilangannya. Antara yang berikut, manakah langkah pengiraan yang betul untuk mencari bilangan guli biru?  
*There are 450 marbles in a container,  $\frac{2}{9}$  of the marbles are black. The rest consists of equal numbers of white, blue, green and yellow marbles. Which of the following is the correct calculation for the number of blue marbles?*

- A  $450 - \frac{2}{9} \times 450$                       C  $\frac{7}{9} \times 450 \div 3$   
B  $\frac{2}{9} \times 450 \div 4$                       D  $\frac{7}{9} \times 450 \div 4$

- $\frac{1}{4}$  daripada sejumlah epal telah busuk. Baki epal itu dikongsi secara sama banyak antara 4 orang adik-beradik. Setiap orang mendapat 12 biji epal. Berapakah jumlah bilangan epal yang ada pada mulanya?  
 *$\frac{1}{4}$  from a total number of apples were rotten. The remaining apples were shared equally among 4 siblings. Each of them got 12 apples. How many apples were there initially?*  
A 16                      C 48  
B 24                      D 64
- Rajah 2 menunjukkan sejumlah guli berwarna biru, merah, hijau dan kuning di dalam sebuah kotak.  
*Diagram 2 shows the total number of blue, red, green and yellow marbles in a box.*



Rajah 2  
Diagram 2

- $\frac{3}{5}$  daripada jumlah guli itu ialah guli hijau. Bilangan guli merah ialah 230 biji. Selebihnya ialah guli biru dan kuning. Bilangan guli biru lebih berbanding guli kuning. Berapakah bilangan guli biru yang munasabah?  
*The green marble are  $\frac{3}{5}$  of the total number of marbles. There are 230 red marbles. The rest are blue and yellow marbles. The number of blue marbles is more than yellow marbles. What is the probable number of blue marbles?*  
A 130                      C 65  
B 66                      D 64

- Paidi ada 120 biji guli. Hairi ada 2 kali bilangan guli Paidi. Bilangan guli Saidi ialah  $1\frac{1}{3}$  daripada bilangan guli Hairi. Berapakah jumlah guli mereka?  
*Paidi has 120 marbles. Hairi has 2 times the marbles of Paidi. Saidi has  $1\frac{1}{3}$  of Hairi's marbles. How many marbles do they have altogether?*  
A 240                      C 670  
B 320                      D 680



**Matematik (Kertas 2)**

**PERPULUHAN (PENYELESAIAN MASALAH)**

Pada minggu ini, kita akan membincangkan konsep soalan penyelesaian masalah melibatkan perpuluhan. Soalan begini biasanya menggabungkan operasi matematik dan nombor bercampur. Akan ada lebih daripada dua operasi matematik dalam setiap soalan.

**Ciri-ciri soalan penyelesaian masalah**

1. Operasi merujuk kepada "perkataan tertentu".
2. Gabungan nombor dengan perkataan dalam ayat matematik.
3. Melibatkan lebih daripada dua operasi.
4. Melibatkan pecahan persepuluh, perseratus dan perseribu.
5. Menukar pecahan atau peratus kepada bentuk perpuluhan.

- Soalan melibatkan pecahan biasanya;
- i. menukar pecahan atau peratus kepada tempat perpuluhan atau sebaliknya.
  - ii. Tambah, tolak, darab dan bahagi nombor kepada tiga tempat perpuluhan.
  - iii. Operasi bercampur (melibatkan tambah dan tolak).
  - iv. Soalan penyelesaian masalah.

**Contoh 1 : Melibatkan penukaran unit**

Rajah 1 menunjukkan satu soalan matematik.  
Diagram 1 shows a mathematic question.

$$0.95 + 107\%$$

Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Nyatakan 107% kepada nilai perpuluhan.  
State 107% in the decimal value. [1 markah / mark]
- (b) Selesaikan dan berikan jawapan dalam nilai perpuluhan.  
Solve and give the answer in decimal value. [2 markah / marks]
- (c) Berdasarkan jawapan dalam soalan (b), bundarkan jawapan kepada persepuluh terdekat.  
Based on the answer in question (b), round off the answer to the nearest tenth. [1 markah / mark]

Langkah menjawab:

- (a)  $107\% = 1.07$   
Atau, gerakkan titik perpuluhan dua tempat dari kanan ke kiri  
 $\frac{107}{100} = 1.07$
- (b)  $107\% = 1.07$  atau,  $0.95 + 1.07 = 2.02$
- (c)  $2.02 = 2.0$

**Latihan**

- 1 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor.  
Diagram 1 shows a numbered card.  
 $5.876$   
Rajah 1 / Diagram 1  
(a) Bundarkan nombor di atas kepada persepuluh terdekat.  
Round off the number above to the nearest tenth. [1 markah / mark]  
(b) Tambah  $3\frac{49}{100}$  kepada nilai pada kad nombor itu.  
Berikan jawapan dalam nilai perpuluhan.  
Add  $3\frac{49}{100}$  to the value in number card.  
Give the answer in the decimal value. [2 markah / marks]

- (c) Berdasarkan jawapan dalam soalan (b), cari hasil bahagi dengan 6.  
Based on the answer in question (b), find the division with 6. [2 markah / marks]

- 2 (a) Jumlah nilai tiga nombor ialah 31. Nombor pertama dan kedua masing-masing 8.03 dan 11.5. Cari nilai nombor yang ketiga.  
The sum of three numbers is 31. The first and the second number are 8.03 and 11.5. Find the value of the third number. [2 markah / marks]

$$\square \div 8 = 31.4$$

Apakah nilai yang perlu ditulis pada kotak?  
What is the value that must be written in the box? [2 markah / marks]

- 3 Rajah 3 menunjukkan tiga keping kad nombor, P, Q dan R.  
Diagram 3 shows the three numbered cards, P, Q and R.

P	Q	R
096	24	71


Rajah 3 / Diagram 3

- (a) Antara yang berikut, nyatakan nilai nombor yang paling kecil.  
Based on the above diagram, state the smallest number. [1 markah / mark]
- (b) Cari jumlah nilai kesemua nombor pada kad itu.  
Find the total values of all the cards. [2 markah / marks]
- (c) Berdasarkan Rajah 3, nombor yang terbesar ditolak dengan nombor yang terkecil. Hasil tolaknya ditambah dengan nombor yang satu lagi.  
Based on Diagram 3, subtract the biggest number with the smallest number. The subtracted value is then added to the other number. [2 markah / marks]

- 4 Jumlah empat nombor ialah 71.09. Tiga daripada nombor nombor itu ialah 18.6, 35.06 dan  $6\frac{9}{100}$ .  
The sum of four numbers is 71.09. Three of the numbers are 18.6, 35.06 and  $6\frac{9}{100}$ .

- (a) Tuliskan  $6\frac{9}{100}$  kepada nilai perpuluhan.  
Write  $6\frac{9}{100}$  in the decimal values. [1 markah / mark]
- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, cari nilai nombor yang keempat.  
Based on the statement above, find the fourth number. [2 markah / marks]

- 5 Rajah 5 menunjukkan satu garis nombor.  
Diagram 5 shows a number line.



Rajah 5 / Diagram 5

- (a) Nyatakan 0.28 kepada pecahan termudah.  
State 0.28 in fraction, in the simplest form. [1 markah / mark]
- (b) Cari nilai bagi Q.  
Find the value of Q. [2 markah / marks]
- (c) Berdasarkan jawapan dalam soalan (b), cari hasil darabnya dengan 8.  
Based on the answer in question (b), multiply the answer with 8. [2 markah / marks]


- 6 Rajah 6 menunjukkan sekeping kad nombor.  
Diagram 6 shows a numbered card.

$$4\frac{3}{8}$$

Rajah 6 / Diagram 6

- (a) Nyatakan nilai di atas dalam bentuk perpuluhan.  
State the values above in a decimal value. [2 markah / marks]
- (b)  $4\frac{3}{8} = 4.38\%$   
Adakah benar? Buktikan.  
Is it true? Prove it. [3 markah / marks]

- 7 Rajah 7 menunjukkan satu garis nombor.  
Diagram 7 shows a number line.




Rajah 7 / Diagram 7

Berdasarkan Rajah 7,  
Based on Diagram 7,

- (a) Tulis  $\frac{9}{10}$  dalam nilai perpuluhan.  
Write  $\frac{9}{10}$  in decimal value. [1 markah / mark]
- (b) Cari nilai bagi X dalam nilai perpuluhan.  
Find the values of X in decimal value. [2 markah / marks]
- (c) Cari beza nilai  $\frac{3}{5}$  dengan nilai X.  
Berikan jawapan dalam nilai perpuluhan.  
Find the difference between  $\frac{3}{5}$  with the value of X.  
Give your answer in decimal value. [2 markah / marks]

- 8 Rajah 8 menunjukkan dua keping kad yang sama saiz.  
Setiap kad itu masing-masing dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.  
Diagram 8 shows two cards of equal size. Each card is divided into several equal parts respectively.



Rajah 8 / Diagram 8

- (a) Hitung jumlah kawasan berlorek dalam nilai perpuluhan.  
Calculate the total of shaded area give the answer in the decimals value. [2 markah / marks]
- (b) Berdasarkan jawapan dalam soalan (a), berapakah yang perlu ditambah supaya nilainya menjadi 2?  
Based on the answer in question (a), what must be added so that it will become 2? [2 markah / marks]

# INTERAKSI ANTARA HIDUPAN

1. Haiwan hidup berkumpulan atau bersendirian.

Cara hidup	Tujuan
Berkumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekerjasama membina tempat tinggal (sarang) dan mencari makanan.</li> <li>Saling melindungi daripada musuh dan cuaca</li> </ul> <p>Contoh haiwan: <i>Dubuk</i></p>
Bersendirian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengelak persaingan untuk makanan dan habitat</li> <li>Hanya akan bersama pada musim mengawan</li> </ul> <p>Contoh haiwan: <i>Panda, helang</i></p>

2. Simbiosis

Terbahagi kepada 3

Mutualisme	Parasitisme	Komensalisme
Hubungan antara dua hidupan yang saling memberi faedah kepada kedua-dua pihak.	Hubungan antara dua hidupan yang memberi faedah kepada satu pihak sahaja tetapi memudaratkan satu pihak lagi.	Hubungan antara dua hidupan yang memberi faedah kepada satu pihak sahaja dan satu pihak lagi tidak memberi apa-apa kesan.
Burung gembala kerbau (untung) dengan kerbau (untung)	Kutu (untung) pada telinga anjing (rugi)	Ikan remora (untung) dengan jerung (tidak kesan)

3. Persaingan

i. Hidupan di dalam sesebuah habitat bergantung antara satu sama lain untuk keperluan mereka seperti makanan dan tempat tinggal. ii. Berlaku apabila dua atau lebih hidupan mempunyai keperluan asas (makanan, tempat tinggal, air, ruang dan pasangan) yang sama tetapi terhad.	Haiwan berebut pasangan
iii. Tumbuhan pula bersaing untuk cahaya Matahari, air, nutrien dan ruang.	Persaingan antara tumbuhan
iv. Persaingan lebih hebat (sengit) apabila: - bilangan hidupan dalam sesuatu habitat bertambah - sumber keperluan asasnya terhad.	

4. Kepupusan dan spesies terancam

- Kepupusan haiwan berlaku apabila kesemua spesies haiwan tersebut tiada lagi (mati).
- Spesies terancam pula ialah sesuatu spesies yang menghadapi ancaman untuk pupus.
- Aktiviti utama manusia yang menyebabkan kepupusan spesies ialah pembalakan haram dan melampau, pemburuan haram dan melampau serta pembangunan yang melampau (tidak terkawal).

Antara spesies yang terancam



Rafflesia



Periuk kera



Badak sumbu



Tapir

Antara haiwan yang telah pupus



Gajah berbulu



Dinosaur



Burung dodo



Serigala Tasmania

## LATIHAN

1. Rajah 1 menunjukkan sekumpulan cimpanzi.  
Diagram 1 shows a troop of chimpanzees.



Rajah 1 / Diagram 1

Mengapakah cimpanzi hidup dalam kumpulan?  
Why do chimpanzees live in groups?

- P Untuk berkongsi makanan  
To share food  
Q Untuk bersaing untuk pasangannya  
To compete for a partner  
R Untuk mempertahankan diri daripada musuh  
To protect against enemies  
S Untuk memastikan persaingan sihat antara haiwan  
To ensure healthy competition among the animals

- A P dan Q / P and Q      C Q dan S / Q and S  
B P dan R / P and R      D R dan S / R and S

2. Apakah punca utama kematian paus, penguin, singa laut, dan hidupan laut yang lain?  
What is the main cause of death for whales, penguins, sea lions, and other marine life?  
A Kekurangan makanan / Lack of food  
B Pemangsa semula jadi / Natural predator  
C Aktiviti nelayan / Fishermen's activities  
D Tumpahan minyak dan bahan buangan bertoksik  
Oil spills and toxic waste disposal

3. Apakah maksud 'spesies terancam'?  
What is the meaning of 'endangered species'?  
A Spesies yang pupus / An extinct species  
B Spesies yang sangat berbahaya  
A very dangerous species  
C Spesies yang menjalani kehidupan bersendirian  
A solitary species  
D Spesies yang berdepan risiko akan pupus  
A species at risk of becoming extinct

4. Rajah 2 menunjukkan satu interaksi antara ikan pari dengan sekumpulan ikan remora.  
Diagram 2 shows an interaction between a stingray and a group of remora fish.



Rajah 2 / Diagram 2

Apakah jenis simbiosis yang ditunjukkan dalam rajah tersebut?  
What is the type of symbiosis that shown in the diagram?

- A Mutualisme  
Mutualism  
B Persaingan  
Competition  
C Parasitisme  
Parasitism  
D Komensalisme  
Commensalism

5. Antara haiwan yang berikut, manakah spesies yang terancam?  
Which of the following animals is an endangered species?



6. Rajah 3 menunjukkan sebuah pasu kecil yang padat dengan banyak jenis pokok. Semua pokok itu terbantut.  
Diagram 3 shows a small pot crowded with many plants. All of the plants are stunted.



Rajah 3 / Diagram 3

Apakah punca persaingan yang berlaku dalam keadaan tersebut?  
What are the sources of competition that led to this situation?

- J Persaingan untuk udara  
Competition for air  
K Persaingan untuk air  
Competition for water  
L Persaingan untuk makanan  
Competition for food  
M Persaingan untuk cahaya Matahari  
Competition for sunlight

- A J dan K / J and K  
B J dan L / J and L  
C K dan M / K and M  
D L dan M / L and M



**Sains (Kertas 2)**

**KEMAHIRAN PROSES SAINS TAHUN 4**


1 Jadual 1 menunjukkan pemerhatian yang dicatatkan bagi kadar pnafasan Fareez dalam tiga aktiviti yang berlainan. Table 1 shows an observation that has been recorded about the rate of breathing by Fareez in three different activities.

Jenis aktiviti Type of activity	Tidur Sleeping	Berjalan Walking	Berlari Running
